

08 JUN 2002

Mahathir-Lawatan

LAWATAN DR MAHATHIR ERAT HUBUNGAN MALAYSIA-SWITZERLAND

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ZURICH, 8 Jun (Bernama) -- Kurang sebulan selepas mengunjungi Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di Switzerland Ahad ini bahawa mesej Malaysia tegas dalam pendiriannya menentang keganasan dan ikhlas dalam menjalin hubungan mesra sesama negara.

Inilah yang bakal dibangkitkan pada pertemuan beliau dengan Presiden Switzerland, Kaspar Villiger, Isnin ini untuk mengeratkan lagi hubungan yang sedia mesra antara Kuala Lumpur dan Berne.

Perbincangan kedua-dua pemimpin itu dan mesyuarat delegasi selepasnya dijangka tertumpu kepada pertukaran pandangan mengenai hubungan dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa demi kepentingan bersama.

Secara umumnya, Malaysia melihat Switzerland yang juga seperti Malaysia tidak menggunakan pendekatan konfrontasi dalam pelbagai hal dan memperjuangkan perdamaian melalui rundingan. Pendekatan itu telah memainkan peranan berkesan dalam beberapa perkara antarabangsa, khususnya mengendurkan ketegangan antara negara-negara yang bertelagah.

Switzerland pula melihat Malaysia sebagai sebuah kuasa Asia yang berpengaruh di pentas dunia, setidak-tidaknya daripada kalangan gugusan negara-negara Asia Tenggara yang suaranya semakin dihormati kuasa-kuasa besar dunia.

Contohnya, langkah Washington menerima kaedah dan kesungguhan Malaysia dalam menangani isu-isu keganasan dan militan adalah satu pengiktirafan yang membanggakan dan sekaligus, perlu diketahui juga oleh kerajaan-kerajaan lain.

Lawatan Perdana Menteri ini bukan sahaja dapat menyatakan pendirian Malaysia daripada segi hubungan antara kerajaan tetapi boleh memperjelaskan bahawa negara tidak pernah berubah sikap dalam kemesraannya menyambut kemasukan pelabur asing.

Walaupun dagangan antara Switzerland dan Malaysia dikira kecil berbanding dengan beberapa negara Eropah lain, namun Switzerland menawarkan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan kemahiran teknologi kejuruteraan, elektronik, perkomputeraan dan otomotif selain pertanian dan ternakan.

Ia juga menyediakan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang kewangan, memandangkan ia sebuah pusat kewangan terkemuka di Eropah dan dunia.

Malaysia pula perlu dilihat sebagai lokasi yang sesuai dan menjimatkan bagi sektor pembuatan Switzerland berkembang dengan menubuhkan kemudahan pengeluaran di sana.

Sektor kewangannya pula dapat merebut peluang untuk mencurahkan pelaburan kepada pedagang dan industri Malaysia yang semakin pesat membangun, serta menggunakan Labuan sebagai pangkalan kewangan luar persisirnya di rantau Asia.

Menurut perangkaan perdagangan bagi Januari hingga Mac 2002, dagangan dua hala memihak kepada Switzerland yang mengeksport barangan bernilai RM714.5 juta ke Malaysia dan mengimport pula barangan bernilai RM135.6 juta.

Antara barangan yang diperdagangkan antara kedua-dua negara ialah makanan, buah-buahan dan sayuran, bahan api galian, barangan kimia, barangan keluaran kilang serta jentera dan pengangkutan.

-- BERNAMA

MFJ PR